






KEMENTERIAN DALAM NEGERI



KDN
2021-2025



PELAN STRATEGIK

K E M E N T E R I A N D A L A M N E G E R I





© Cetakan Pertama, 2021
Hak Cipta Terpelihara Kementerian Dalam Negeri

Hak cipta terpelihara.

Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian rencana, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam bentuk dan dengan apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Kementerian Dalam Negeri.

Isi Kandungan

2-3

PRAKATA KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

4-5

RINGKASAN EKSEKUTIF

7

KDN TEGUH DI PERSADA

SEJARAH RINGKAS

VISI DAN MISI

MOTO DAN NILAI TERAS

FUNGSI

CARTA ORGANISASI

CARTA FUNGSI

JABATAN DAN AGENSI

AKTA-AKTA UTAMA

PEMEGANG TARUH / PELANGGAN

21

**PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN DALAM NEGERI (PSKDN)
2021-2025**

PROSES PEMBANGUNAN PSKDN

ISU DAN CABARAN KESELAMATAN

CABARAN MEGATREND

IMPLIKASI MEGATREND TERHADAP KESELAMATAN

MISI GLOBAL DAN ASPIRASI NASIONAL

DASAR-DASAR UTAMA NEGARA BERKAITAN KESELAMATAN

PEMBANGUNAN PSKDN

39

TERAS 1

MEMPERKUKUH KESELAMATAN DAN
KETENTERAMAN AWAM

47

TERAS 2

MEMPERKASA KAWALAN SEMPADAN, MARITIM
DAN MEMBANTERAS JENAYAH RENTAS
SEMPADAN

53

TERAS 3

MEMBANTERAS GEJALA DADAH DAN SUBSTAN

59

TERAS 4

MENTRANSFORMASI INSTITUSI DAN SISTEM
PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

67

MEKANISME PEMANTAUAN PSKDN

Prakata

KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Assalamualaikum w.b.t dan selamat sejahtera,

Pelan Strategik merupakan satu elemen penting dalam pengurusan sesebuah organisasi dan merupakan tahap perancangan tertinggi yang memperlihatkan hala tuju organisasi pada jangka masa panjang. Menyedari akan kepentingan untuk satu dokumen yang komprehensif dihasilkan bagi dijadikan rujukan dan panduan Kementerian untuk tempoh lima (5) tahun akan datang, gerak kerja untuk pembangunan Pelan Strategik Kementerian Dalam Negeri (PSKDN) 2021-2025 telah dimulakan sejak penghujung tahun 2019.

Keperluan untuk mempunyai strategi dan program yang berkesan dilihat sangat wajar memandangkan landskap keselamatan global dan domestik yang telah berubah dengan lebih dinamik. Justeru, dalam usaha mendepani cabaran selain memenuhi ekspektasi pemegang taruh dan pelanggan, PSKDN dibangunkan dengan mengkonsolidasi peranan, fungsi dan keperluan Kementerian, Jabatan serta Agensi di bawahnya.

Sehubungan itu, pendekatan *the whole of government* dan *the whole of society* telah diadaptasi bagi membangunkan dokumen perancangan yang holistik seterusnya berupaya memacu pelaksanaan berimpak tinggi dan hasil yang nyata, selari dengan visi dan misi Kementerian. Penentu kejayaan pelaksanaan pelan ini juga dicetus dengan kerjasama strategik dan komitmen daripada semua pihak berkepentingan sesuai dengan moto 'Keselamatan Tanggungjawab Bersama.'

Dalam membangunkan PSKDN ini juga, Kementerian telah melihat kepada keperluan untuk bersiap siaga dengan ancaman keselamatan yang semakin dinamik di kala munculnya ancaman pandemik seperti hari ini selain *emerging threats* dan trend baharu keselamatan yang lain. Strategi dan program bersesuaian perlu dirangka bagi meningkatkan nilai penyampaian perkhidmatan agar lebih berkualiti, responsif dan inovatif. Pengurusan keselamatan dan ketenteraman awam juga perlu dirancang dengan teliti menggunakan sumber secara optimum dan efektif.

Pembangunan pelan ini juga merangkumi penggunaan teknologi dan pendigitalan sebagai salah satu pendekatan strategik Kementerian. Ini termasuklah transformasi dalam penyampaian perkhidmatan yang melibatkan *end to end services* kepada rakyat khususnya bagi agensi-agensi di barisan hadapan selain memperkukuhkan struktur Kementerian dan Bahagian bagi menyokong fokus baharu KDN. Selain itu, pemantapan aset-aset strategik yang berteknologi tinggi turut menjadi fokus

bagi memacu peranan penguatkuasaan berimpak tinggi oleh agensi-agensi di bawah KDN.

Hasilnya, PSKDN berjaya dibangunkan, bersandarkan kepada **Empat (4) Teras, 22 Strategi dan 64 Program**. Kesemua strategi ini perlu dilaksanakan bagi mencapai **30 KPI** yang ditetapkan dalam jangka masa pendek (kurang dari setahun), jangka masa sederhana (1 hingga 3 tahun) dan jangka panjang (3 hingga 5 tahun).

Pelan ini perlu dilaksanakan dengan lancar dan terselaras. Dalam hubungan ini, Jawatankuasa Pengurusan Strategik KDN dibentuk dan berperanan memastikan semua strategi dan program yang terkandung dalam dokumen ini dapat dilaksanakan dan memenuhi KPI yang ditetapkan.

Syabas kepada seluruh warga KDN dan agensi-agensi yang sama-sama menggembleng tenaga dalam penghasilan dokumen PSKDN ini. Sesungguhnya dokumen ini dapat memberi hala tuju dan panduan yang jelas kepada warga KDN, Jabatan dan Agensi. Saya percaya dengan iltizam dan komitmen yang tinggi daripada seluruh warga KDN dan semua Jabatan serta Agensi, visi PSKDN akan tercapai dan secara langsung menjadikan KDN sebagai sebuah organisasi yang lebih cemerlang dan gemilang untuk terus memberikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat Malaysia.

**DATUK WAN AHMAD DAHLAN
BIN HAJI ABDUL AZIZ**
KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN DALAM NEGERI



Ringkasan Eksekutif

Pelan Strategik Kementerian Dalam Negeri (PSKDN) 2021-2025 merupakan rujukan dan panduan asas bagi semua warga Kementerian dalam merancang, melaksana, memantau dan menilai keseluruhan fungsi teras KDN. PSKDN ini juga dapat mengukuhkan peranan Kementerian dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat melalui pelaksanaan yang komprehensif bersama Jabatan dan Agensi di bawahnya. Pelan ini memperjelaskan hala tuju strategik Kementerian bagi tempoh lima (5) tahun akan datang. Pelan ini juga akan dapat memandu dengan jelas Jabatan dan Agensi di bawah KDN bagi membangunkan pelan strategik masing-masing.

PSKDN telah dihasilkan berasaskan kepada suatu perancangan yang teliti dan bersepadu bagi memastikan negara dapat mendepani cabaran masa hadapan. Penyediaan pelan ini telah mengambil kira program-program KDN yang diselarikan dengan misi global, nasional serta aspirasi perkhidmatan awam.

Proses pembangunan PSKDN turut menggunakan *management tools* bagi mengenalpasti isu dan cabaran keselamatan. Cabaran dan isu-isu yang semakin kompleks ini memerlukan pendekatan baharu yang kreatif untuk menanganinya. Agensi keselamatan perlu berubah dari pendekatan tradisional kepada pendekatan yang berasaskan kepada teknologi Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0) untuk memperkasakan penyampaian perkhidmatan dalam sektor keselamatan.

Pendekatan ini termasuklah pembangunan sumber manusia yang lebih kompeten bagi menghadapi cabaran yang lebih kompleks ini. Selain itu, penggunaan *artificial intelligence (AI)*, penggunaan dron, automasi

berasaskan robotik, *cloud computing* dan *internet of things (IoT)* yang berupaya mengurangkan kos dan sumber manusia di samping meningkatkan kecekapan dalam menangani cabaran dan isu-isu keselamatan. Strategi ini juga adalah selaras dengan dasar pendigitalan Kerajaan.

Bagi mendepani isu dan cabaran yang telah dikenalpasti ini, empat (4) teras strategik telah dibangunkan untuk dijadikan fokus kepada KDN dalam memastikan KDN menjadi sebuah organisasi yang *future ready*. Teras strategik yang dibentuk adalah seperti berikut:

- i. Memperkukuh keselamatan dan ketenteraman awam;
- ii. Memperkasa kawalan sempadan, maritim dan membanteras jenayah rentas sempadan;
- iii. Membanteras gejala dadah dan substan; dan
- iv. Mentransformasi institusi dan sistem penyampaian perkhidmatan

Setiap teras strategik ini disokong oleh strategi, program dan petunjuk prestasi (KPI) sebagai panduan kepada Bahagian, Jabatan dan Agensi untuk membangunkan pelan tindakan. Terdapat **22 Strategi, 64 Program dan 30 KPI** telah dibentuk untuk menyokong usaha KDN meningkatkan prestasi Kementerian. Seterusnya semua Bahagian, Jabatan dan Agensi perlu merangka aktiviti di bawah setiap program yang digariskan di dalam PSKDN ini. Aktiviti di bawah setiap program yang dilaksanakan perlu bersifat dinamik, *outcome-oriented* dan terkedepan bagi memastikan penyampaian perkhidmatan KDN sentiasa relevan dengan keperluan semasa dan akan datang.



*"Planning is bringing the future into the
present so that you can do something
about it now"*

- Alan Lakein




KDN


TEGUH DI PERSADA

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

SEJARAH RINGKAS

KEMENTERIAN DALAM NEGERI





VISI DAN MISI

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

VISI

**MALAYSIA KEKAL SEBAGAI SEBUAH
NEGARA YANG BERDAULAT DAN
SELAMAT**

MISI

**MEMASTIKAN KESELAMATAN DALAM
NEGERI TERJAMIN DAN
KESEJAHTERAAN RAKYAT TERPELIHARA**

MOTO DAN NILAI TERAS

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

MOTO

**KESELAMATAN TANGGUNGJAWAB
BERSAMA**

NILAI TERAS



Integriti



Kualiti



Inovasi



Profesionalisme



Esprit de Corps

FUNGSI


KEMENTERIAN DALAM NEGERI



**Memelihara
Keselamatan dan
Ketenteraman Awam**



**Memulih Pesa
Melaksana
Hukuma**



**Mengurus Hal Ehwal
Imigresen**



**Mengur
Ehwal Pen**



**Membasmi Pengedaran
dan Penagihan Dadah**

Memelihara Ke
Dan Ketenteran

Mengurus Hal Ehw
Dan Pengurusan

Pemulihan Pe
Pelaksanaan

Mengurus Ha
Pendafta

Membasmi Pe
D A H

Mengurus Ha
Pendafta

Membasmi Pe
D A H



**Mengurus Hal Ehwal
Pertubuhan**



**Mengawal Selia
Bahan-bahan
Penerbitan dan
Kawalan Teks Al-Quran**



**Mengawal Selia
Penerbitan dan
Pengedaran Filem**


CARTA ORGANISASI

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

MENTERI DALAM NEGERI

TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI


KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN DALAM NEGERI






CARTA FUNGSI

KEMENTERIAN DALAM NEGERI



JABATAN DAN AGENSI

KEMENTERIAN DALAM NEGERI



AKTA-AKTA UTAMA

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

1 Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang-Orang yang Tidak Diingini 1969 [Akta 7]	2 Akta Hasutan 1948 [Akta 15]	3 Akta Agensi Persendirian 1971 [Akta 27]	4 Akta Senjata (Penalti Lebih Berat) 1971 [Akta 37]	5 Akta Pendaftaran Negara 1959 [Akta 78]
6 Akta Pasport 1966 [Akta 150]	7 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian (Peruntukan-Peruntukan Khas) 1975 [Akta 152]	8 Akta Imigresen 1959/63 [Akta 155]	9 Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [Akta 164]	10 Akta Peniaga Sekenhand 1946 [Akta 189]
11 Akta Melarikan Orang dan Mengugut Saksi Secara Jenayah 1947 [Akta 191]	12 Akta Pungutan Rumah Ke Rumah dan di Jalan 1947 [Akta 200]	13 Akta Senjata 1960 [Akta 206]	14 Akta Bahan Letupan 1957 [Akta 207]	15 Akta Pendaftaran Pengangkutan 1952 [Akta 253]
16 Akta Pengangkutan 1952 [Akta 257]	17 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 [Akta 283]	18 Akta Ketenteraman Awam (Pemeliharaan) 1958 [Akta 296]	19 Akta Pencegahan Jenayah 1959 [Akta 297]	20 Akta Kawasan Larangan 1959 [Akta 298]
21 Akta Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957 [Akta 299]	22 Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 [Akta 301]	23 Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985 [Akta 316]	24 Akta Pencetakan Teks Al-Quran 1986 [Akta 326]	25 Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335]
26 Akta Kesalahan-Kesalahan Kecil 1955 [Akta 336]	27 Akta Dadah Berbahaya (Pelucuthakan Harta) 1988 [Akta 340]	28 Akta Polis 1967 [Akta 344]	29 Akta Bahan-Bahan Kakistan dan Letupan dan Senjata Berbahaya 1958 [Akta 357]	30 Akta Pendaftaran Tetamu 1965 [Akta 381]
31 Akta Kehadiran Wajib Pesalah-Pesalah 1954 [Akta 461]	32 Akta Ekstradisi 1992 [Akta 479]	33 Akta Penjara 1995 [Akta 537]	34 Akta Penapisan Filem 2002 [Akta 620]	35 Akta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia 2004 [Akta 633]
36 Akta Agensi Antidadah Kebangsaan 2004 [Akta 638]	37 Akta Identifikasi Asid Deoksiribonukleik 2009 [Akta 699]	38 Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670]	39 Akta Perhimpunan Aman 2012 [Akta 736]	40 Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 [Akta 747]
41 Akta Pasukan Sukarelawan Malaysia 2012 [Akta 752]	42 Akta Pemindahan Antarabangsa Banduan 2012 [Akta 754]	43 Akta Pencegahan Keganasan 2015 [Akta 769]	44 Akta Langkah-Langkah Khas Menentang Keganasan di Luar Negara 2015 [Akta 770]	45 Akta Agensi Kawalan Sempadan Malaysia 2017 [Akta 799]
46 Ordinan Ketenteraman Awam 1961 (Sabah)	47 Ordinan Ketenteraman Awam 1962 (Sarawak)			

PEMEGANG TARUH / PELANGGAN

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

1

PIHAK BERKEPENTINGAN:

- Parlimen
- Jemaah Menteri
- Agensi Pusat

2


RAKAN STRATEGIK:

- Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan
- Agensi Antarabangsa
- Media
- Pihak Swasta
- Badan Bukan Kerajaan

3

PELANGGAN:

- Orang Awam
- Pihak Swasta
- Badan Bukan Kerajaan



*"Our goals can only be reached
through the vehicle of a plan.
There is no other route to success"*


- Pablo Picasso

*"Analysis is the critical starting
point of strategic thinking"*

- Kenichi Ohmae

*"Greatness is not where we stand,
but in what direction we are moving"*

- Oliver Wendell Holmes, Jr



PELAN STRATEGIK
KEMENTERIAN DALAM NEGERI
2021-2025

PROSES PEMBANGUNAN PSKDN

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

17-19 JANUARI 2020

Mesyuarat Perancangan Strategik Bil.01/2020

Dipengerusikan oleh mantan KSU KDN, YBhg. Datuk Jamil Rakon. Mesyuarat ini telah diadakan di Hotel Thistle, Port Dickson bertujuan untuk memuktamadkan Kerangka Pelan Strategik KDN sebagai landasan pembangunan PSKDN



16 & 17 JUN 2020

Bengkel Pelan Strategik Siri 1

Diadakan di Bilik Latihan SM, KDN bagi membincangkan isu berkaitan:

- Keselamatan Kawalan Sempadan Darat; dan
- Keselamatan Kawalan Sempadan Maritim



02-04 JULAI 2020

Bengkel Pelan Strategik Siri 2

Bertempat di Movenpick Hotel and Convention Centre, KLIA Sepang bertujuan untuk membincangkan isu:

- Pembanterasan Dadah;
- Keimigresenan, Pelarian & Pekerja Asing;
- Pendaftaran & Kewarganegaraan; dan
- Rasionalisasi Organisasi



23-25 JULAI 2020**Bengkel Pelan Strategik Siri 3**

Diadakan di Dorsett Hotel, Subang bagi membincangkan isu:

- Jenayah;
- Tahanan, Depot dan Lokap; dan
- Penguatkuasaan dan Kawalan Penerbitan

**02-04 OKTOBER 2020****Mesyuarat Perancangan Strategik Bil.02/2020**

Dipengerusikan oleh KSU KDN, YBhg. Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abd Aziz bertempat di Forest City Golf Hotel, Gelang Patah, Johor bagi menimbang dan memperaku PSKDN untuk diangkat kepada YB Menteri Dalam Negeri

**25 FEBRUARI 2021****Pembentangan Pelan Strategik KDN kepada YB Menteri Dalam Negeri**

Sesi pembentangan PSKDN kepada YB Menteri Dalam Negeri telah dilaksanakan untuk mendapatkan pertimbangan dan perakuan dokumen akhir PSKDN



ISU DAN CABARAN KESELAMATAN

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Ketika negara melangkah ke dekad baharu, pelbagai isu dan cabaran keselamatan timbul yang merubah landskap pengurusan kawalan keselamatan negara. Ancaman keselamatan kini tidak hanya bersifat tradisional tetapi bersifat bukan tradisional yang sangat dinamik dan kompleks. Untuk itu, dalam menganalisis isu dan cabaran keselamatan dalam negara, analisis ke atas persekitaran dalaman dan luaran Kementerian telah dilaksanakan. Sebanyak 12 isu dan cabaran utama Kementerian telah dikenal pasti yang perlu ditangani dalam tempoh pelaksanaan Pelan Strategik ini. Semua isu dan cabaran ini memerlukan strategi yang bersifat holistik dan terselaras.



KEGANASAN DAN EKSTREMISME

- Pencegahan keganasan dan pembasmian fahaman melampau
- *Terrorism Financing*



KESELAMATAN AWAM

- Tiada indeks pencegahan jenayah
- Persepsi rasa selamat



KESELAMATAN SEMPADAN

- Kesesakan pintu masuk
- Penyeludupan migran dan barang



KESELAMATAN MARITIM

- Nelayan Asing
- *Kidnapping for Ransom (KFR)*



JENAYAH RENTAS SEMPADAN

- Pemerdagangan orang
- Pengubahan wang haram
- Penyakit berjangkit



KESELAMATAN SIBER

- Peningkatan jenayah siber
- Penipuan dalam talian

ISU DAN CABARAN KESELAMATAN

KEMENTERIAN DALAM NEGERI



PENAHANAN

- Kesesakan Penjara / Depot / Lokap



DADAH DAN PENYALAHGUNAAN BAHAN

- Penagihan dan penawaran dadah
- Bahan psikoaktif baharu



PENERBITAN

- Pelanggaran peraturan filem dan penerbitan



HAL EHWAL IMIGRESEN

- PATI
- Pemegang kad UNHCR
- Warga asing di Sabah



PENDAFTARAN NEGARA

- Pendaftaran lewat kelahiran
- Pemerolehan kewarganegaraan
- Ibu tumpang



PENGURUSAN PERTUBUHAN

- Ketidakpatuhan prosedur pertubuhan



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

KESELAMATAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA



CABARAN MEGATREND

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Pelan Strategik Kementerian Dalam Negeri (PSKDN) 2021-2025 telah mengenal pasti persekitaran luaran dan global serta implikasinya terhadap keselamatan dalam negara dan ketenteraman awam terutamanya cabaran *megatrend*. Analisis ke atas senario masa hadapan yang dipengaruhi fenomena *megatrend* adalah penting supaya perubahan dan arah aliran (*trends*) dalam tempoh 3 hingga 10 tahun ke hadapan dapat dijangka untuk KDN membentuk strategi yang berkesan dalam mendepani cabaran baharu aspek keselamatan.



IMPLIKASI MEGATREND TERHADAP KESELAMATAN

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

PERKEMBANGAN TEKNOLOGI

- Perniagaan Secara Maya
- Penyalahgunaan Dron
- Aplikasi Pintar ~ *Internet of Things* (IoT)
- Kemajuan Dalam Teknologi Kosmetik
- Pengesanan Muka
- Mata Wang Kripto
- Cetakan 3D Dadah

TREND SOSIAL DAN ANJAKAN DEMOGRAFI

- Peningkatan Populasi Penduduk Berusia
- Pemerkasaan Pembangunan Ekonomi Wanita
- Pembaharuan Ideologi
- Pembangunan Fungsi Masyarakat



URBANISASI

- Migrasi
- Peningkatan Jenayah
- Imigrasi / Isu Sempadan
- Tahanan

MOBILITI MASA DEPAN DAN INFRASTRUKTUR

- Kemudahan Pergerakan
- Perkampungan Global-Perbezaan Ideologi / Budaya dan Jenayah Terancang
- Isu-isu Imigrasi

PERUBAHAN IKLIM DAN PENGURANGAN SUMBER

- Peningkatan Konflik dan Tekanan Politik
- Ketersediaan / Respons Agensi Penguatkuasaan Semasa Bencana Alam

MISI GLOBAL DAN ASPIRASI NASIONAL


KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Pembentukan Pelan Strategik Kementerian Dalam Negeri (PSKDN) 2021-2025 mengambil kira komitmen negara di dalam *Sustainable Development Goals 2030* (SDG 2030) dan aspirasi nasional iaitu Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030). SDG 2030 dan WKB 2030 ini telah dijadikan asas dalam PSKDN untuk memastikan *outcome* dan sasaran Kerajaan tercapai.

Selain itu, strategi-strategi yang dibentuk di dalam PSKDN telah diselarikan dengan teras dan strategi yang termaktub di dalam dua (2) dasar utama berkaitan keselamatan iaitu Dasar Keselamatan Negara (DKN) dan Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA).

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS (SDG 2030)





MISI GLOBAL DAN ASPIRASI NASIONAL

KEMENTERIAN DALAM NEGERI



WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030 (WKB 2030)

7 TERAS WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030

1



Ekosistem
perniagaan &
industri

2



Aktiviti
pertumbuhan
ekonomi utama

3



Modal
insan

4



Pasaran buruh
& pampasan
pekerja

5



Kesejahteraan
sosial

6



Keterangkuman
wilayah

7



Modal
sosial



Bersama Hentikan Wabak Covid-19

Ketika proses pembangunan PSKDN ini, negara telah dilanda pandemik COVID-19. Pandemik COVID-19 ini telah mengubah pendekatan Kementerian bagi meningkatkan tahap keselamatan dan ketenteraman dalam negara terutamanya ketika negara berada dalam keadaan bencana atau krisis. Justeru, strategi-strategi yang digariskan adalah relevan dengan keperluan semasa dan fleksibel untuk menangani cabaran dan ancaman keselamatan dalam negara.

DASAR-DASAR UTAMA NEGARA BERKAITAN KESELAMATAN

KEMENTERIAN DALAM NEGERI



DASAR KESELAMATAN NEGARA (DKN)

TERAS 1

Kedaulatan dan Keutuhan Wilayah

TERAS 2

Kestabilan Sosio-Politik

TERAS 3

Kesepaduan Nasional

TERAS 4

Tadbir Urus Yang Baik

TERAS 5

Keutuhan Ekonomi

TERAS 6

Keadilan Sosial

TERAS 7

Pembangunan Mampan

TERAS 8

Keselamatan Rakyat

TERAS 9

Pengiktirafan Antarabangsa



DASAR KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM (DKKA)

TERAS 1

Mempertahankan Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang dan Institusi Utama Negara

TERAS 2

Meningkatkan Tadbir Urus dan Integriti Agensi Penguatkuasaan Keselamatan

TERAS 3

Memperkukuhkan Kawalan Keselamatan Sempadan Negara

TERAS 4

Menjamin Keselamatan dan Ketenteraman Awam

TERAS 5

Memerangi Gejala Dadah

TERAS 6

Melindungi Aset dan Sasaran Penting Negara

KERANGKA PERANCANGAN STRATEGIK 2021-2025

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA

AGENDA GLOBAL / NASIONAL

- Sustainable Development Goals 2030 (SDG 2030)

- Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12)

- Dasar Keselamatan Negara (DKN)

- Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (DKKA)

VISI

KDN 2025

Malaysia Kekal Sebagai Sebuah Negara Yang Berdaulat Dan Selamat

MISI

Memastikan Keselamatan Dalam Negeri Terjamin Dan Kesejahteraan Rakyat Terpelihara

KEBERHASILAN STRATEGIK

Keselamatan Dalam Negeri Dan Ketenteraman Awam Terjamin

Penyampaian Perkhidmatan Yang Cemerlang Dan Berintegriti

TERAS STRATEGIK

MEMPERKUKUH KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM

MEMPERKASA KAWALAN SEMPADAN, MARITIM DAN MEMBANTERAS JENAYAH RENTAS SEMPADAN

MEMBANTERAS GEJALA DADAH DAN SUBSTAN

MENTRANFORMASI INSTITUSI DAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

STRATEGI UTAMA

Dasar / Perundangan Keselamatan

Penguatkuasaan / Pengoperasian

Jaringan & Kerjasama Strategik Dalam dan Luar Negara

Merekayasa Organisasi dan Memantapkan Tadbir Urus

GAME CHANGER

- Revolusi Industri 4.0 (IR 4.0)
- Pembangunan Kapasiti
- Nilai Bersama

- Perekayasaan Proses Kerja
- Pengurusan Perubahan
- Pemerkasaan Komuniti

- Data Raya
- Inklusif

TERAS-TERAS STRATEGIK PSKDN 2021-2025

KEMENTERIAN DALAM NEGERI



PELAN STRATEGIK 2021-2025

KEMENTERIAN DALAM NEGERI



PELAN STRATEGIK
2021-2025

RINGKASAN PELAN STRATEGIK

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

		STRATEGI	PROGRAM	KPI
TERAS 1	MEMPERKUKUH KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM	7	21	9
TERAS 2	MEMPERKASA KAWALAN SEMPADAN, MARITIM DAN MEMBANTERAS JENAYAH RENTAS SEMPADAN	4	11	5
TERAS 3	MEMBANTERAS GEJALA DADAH DAN SUBSTAN	4	11	6
TERAS 4	MENTRANSFORMASI INSTITUSI DAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN	7	21	10

TERAS STRATEGIK

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

TERAS 1 : MEMPERKUKUH KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM

Teras ini merupakan teras yang merangkumi sebahagian besar fungsi teras KDN yang meliputi kepolisan, hal ehwal keimigresenan, kepenjaraan, pendaftaran negara dan pertubuhan serta kawalan penerbitan.

Tujuh (7) strategi, 21 program dan sembilan (9) KPI telah dibentuk di bawah teras ini termasuk untuk memperkukuh dasar dan perundangan berkaitan keselamatan, membanteras jenayah dan memperhebatkan usaha pencegahan oleh agensi keselamatan dan penguatkuasaan di bawah KDN, memperkasakan pengurusan keimigresenan dan warga asing, mereformasi pengurusan pendaftaran dalam aspek pendaftaran negara dan pertubuhan, memperkasa kawalan dan pengurusan penahanan di penjara, lokap dan depot tahanan, memperkasa program koreksional dan strategi terakhir adalah untuk memantapkan penguatkuasaan dan kawalan keselamatan, penerbitan, penapisan filem dan bahan berbahaya.



TERAS STRATEGIK

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

TERAS 2 : MEMPERKASA KAWALAN SEMPADAN, MARITIM DAN MEMBANTERAS JENAYAH RENTAS SEMPADAN

Kawalan sempadan menjadi salah satu fokus utama bagi tempoh lima (5) tahun ini. Pelbagai isu seperti kemasukan pendatang asing, penyeludupan migran dan barang sering timbul apabila tahap kawalan sempadan yang lemah. Justeru, usaha untuk memperkasakan sempadan darat, kawasan maritim termasuk di pintu-pintu masuk negara akan dilaksanakan melalui empat (4) strategi yang telah dirancang. Empat (4) strategi ini akan disokong oleh 11 program dan lima (5) KPI bagi memastikan *outcome* tercapai.

Aspek perundangan bagi kawalan keselamatan di sempadan darat, maritim, pintu masuk negara dan jenayah rentas sempadan akan diperkukuh bagi memastikan perundangan yang mantap dan relevan dengan keperluan semasa. Aspek penguatkuasaan juga akan terus diperkukuhkan bagi memastikan pengurusan sempadan yang komprehensif dan mengelakkan fungsi bertindih. Reformasi ke atas pengurusan sempadan ini akan dilaksanakan melibatkan beberapa agensi keselamatan dan penguatkuasaan di bawah KDN.

Usaha untuk membanteras jenayah rentas sempadan yang merangkumi lapan (8) perkara seperti yang digariskan di bawah *ASEAN on Transnational Crime* akan diperkukuhkan. Ini termasuk penyeludupan dadah, pengubahan wang haram, keganasan, pelanunan, penyeludupan senjata, penyeludupan migran dan pemerdagangan orang, jenayah ekonomi, jenayah siber serta penyeludupan haiwan dan hasil hutan.



TERAS STRATEGIK

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

TERAS 3 : MEMBANTERAS GEJALA DADAH DAN SUBSTAN

Gejala dadah masih dilihat sebagai musuh utama negara dengan kewujudan substan baharu. Justeru, usaha untuk membanteras gejala ini diletakkan antara fokus utama KDN dan dijadikan sebagai salah satu teras strategik di dalam PSKDN. Bagi memastikan usaha membanteras dadah ini dilaksanakan dengan menyeluruh dan teratur, teras strategik ketiga ini disokong dengan empat (4) strategi, 11 program dan enam (6) KPI.

Aspek dasar dan perundangan berkaitan dadah dan susbtan ini akan diberi keutamaan. Dalam aspek ini, satu dasar dan akta baharu berkaitan dadah akan dirangka dan digubal. Seterusnya, usaha pencegahan melalui program-program pendidikan akan diperkasakan bagi meningkatkan kesedaran berkaitan impak negatif dadah dan substan kepada pelbagai golongan sasar. Strategi ketiga adalah dengan memperkukuhkan program rawatan dan pemulihan dadah sama ada di dalam institusi Kerajaan, swasta dan NGO.

KDN juga melalui Jabatan Siasatan Jenayah Narkotik PDRM dan AADK akan terus memperkukuhkan aktiviti penguatkuasaan dan risikan untuk membanteras dadah dengan lebih efektif dan terselaras.




TERAS STRATEGIK

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

TERAS 4 : MENTRANSFORMASI INSTITUSI DAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Bagi memastikan KDN dapat melaksanakan peranan dan fungsi yang lebih berkesan dan mencapai visi dan misi yang ditetapkan, usaha bagi mentransformasi institusi dan sistem penyampaian perkhidmatan perlu diberikan perhatian serius. Pemantapan kapasiti organisasi dan pengurusan tadbir urus, pemantapan integriti, memperkasa infrastruktur keselamatan termasuk aset dan peralatan serta usaha mengoptimumkan pendigitalan perkhidmatan antara yang diberikan keutamaan. KDN perlu mengoptimumkan sumber dan meningkatkan kompetensi bagi memenuhi ekspektasi pemegang taruh dan pelanggan agar mampu menghadapi ancaman keselamatan yang dinamik dan kompleks.

Untuk itu, teras strategik keempat yang disokong oleh tujuh (7) strategi, 21 program dan 10 KPI ini dilihat akan mentransformasikan KDN untuk melonjak ke satu tahap yang lebih mantap.





**TERAS 1:
MEMPERKUKUH
KESELAMATAN DAN
KETENTERAMAN AWAM**

TERAS 1

MEMPERKUKUH KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM

STRATEGI

7

PROGRAM

21

KPI

9

1

MEMPERKUKUH DASAR DAN PERUNDANGAN

2

MEMBANTERAS JENAYAH DAN MEMPERHEBATKAN USAHA PENCEGAHAN JENAYAH

3

MEMPERKASAKAN PENGURUSAN KEIMIGRESENAN DAN WARGA ASING

4

MEREFORMASI PENGURUSAN PENDAFTARAN

5

MEMPERKASA KAWALAN DAN PENGURUSAN PENAHANAN

6

MEMPERKASA PROGRAM KOREKSIONAL

7

MEMANTAPKAN PENGUATKUASAAN DAN KAWALAN KESELAMATAN, PENERBITAN, PENAPISAN FILEM DAN BAHAN BERBAHAYA

TERAS 1

MEMPERKUKUH KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM

STRATEGI 1

MEMPERKUKUH DASAR DAN PERUNDANGAN

PROGRAM 1

Kajian semula dan penggubalan dasar dan perundangan:

- i. Keselamatan dan ketenteraman awam
- ii. Keimigresenan
- iii. Tahanan
- iv. Pendaftaran Negara
- v. Pendaftaran Pertubuhan
- vi. Penerbitan
- vii. Penapisan Filem

BAHAGIAN / JABATAN / AGENSI TERLIBAT

Bhg. K,
Bhg. IM, Bhg. PDR,
Bhg. PKK,
Bhg. PP, PDRM,
JIM, PENJARA,
RELA, JPN, JPPM

STRATEGI 2

MEMBANTERAS JENAYAH DAN MEMPERHEBATKAN USAHA PENCEGAHAN JENAYAH

PROGRAM 1

Peningkatan usaha-usaha memerangi jenayah

BAHAGIAN / JABATAN / AGENSI TERLIBAT

Bhg. K, Bhg. IM,
Bhg. PDR,
Bhg. PKK, Bhg. PP,
Bhg. PG, PDRM,
JIM, PENJARA,
RELA, JPN, JPPM,
ESSCOM

PROGRAM 2

Pemantapan usaha pencegahan jenayah bersama rakan strategik dan komuniti

Bhg. K, Bhg. IM,
Bhg. PDR,
Bhg. PKK, Bhg. PP,
Bhg. PG, PDRM,
JIM, PENJARA,
RELA, JPN, JPPM,
ESSCOM

PROGRAM 3

Peningkatan kesiapsiagaan dan respon terhadap jenayah

Bhg. K, APMM,
PDRM

TERAS 1

MEMPERKUKUH KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM

STRATEGI 3

MEMPERKASA PENGURUSAN KEIMIGRESENAN DAN WARGA ASING

PROGRAM 1

Penambahbaikan pengurusan pas dan dokumen keimigresenan

BAHAGIAN / JABATAN / AGENSI TERLIBAT

Bhg. IM, JIM

PROGRAM 2

Penambahbaikan pengurusan ekspatriat dan pekerja asing

Bhg. IM,
NSO MAPO,
Bhg. PA, Bhg. K,
Bhg. PKK, JIM

PROGRAM 3

Pengurusan pendatang asing tanpa izin (PATI)

Bhg. IM, JIM,
PDRM, APMM

PROGRAM 4

Pengurusan pendatang tanpa izin (PTI) di Sabah

Bhg. IM, Bhg. PP,
JIM, JPN

PROGRAM 5

Pengawasan urusan pencari suaka dan pelarian

Bhg. IM, JIM,
PDRM

PROGRAM 6

Penambahbaikan sistem kawalan bersepadu keimigresenan

Bhg. IM, Bhg. PA,
Bhg. IT,
PMO NISe, JIM

TERAS 1

MEMPERKUKUH KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM

STRATEGI 4

MEREFORMASI PENGURUSAN PENDAFTARAN

PROGRAM 1

Penambahbaikan pengurusan dan prosedur dokumen pendaftaran negara dan pertubuhan

BAHAGIAN / JABATAN / AGENSI TERLIBAT

Bhg. PP, JPN,
JPPM

PROGRAM 2

Pengukuhan teknologi dalam pengurusan pendaftaran negara dan pertubuhan

Bhg. PP, Bhg. IT,
JPN, JPPM

STRATEGI 5

MEMPERKASA KAWALAN DAN PENGURUSAN PENAHANAN

PROGRAM 1

Peningkatan kawalan keselamatan tempat dan institusi tahanan

BAHAGIAN / JABATAN / AGENSI TERLIBAT

Bhg. K, Bhg. PDR,
Bhg. IM, PDRM,
PENJARA, JIM,
APMM

PROGRAM 2

Penambahbaikan standard rawatan, layanan dan perkhidmatan kesihatan

Bhg. K, Bhg. PDR,
Bhg. IM, PDRM,
PENJARA, JIM,
APMM

PROGRAM 3

Pengukuhan kerjasama antara negara bagi mengurangkan jumlah tahanan dan banduan

Bhg. AB,
Bhg. PDR,
PENJARA,
JIM

TERAS 1

MEMPERKUKUH KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM

STRATEGI 6

MEMPERKASA PROGRAM KOREKSIONAL

PROGRAM 1

Pengukuhan program latihan dan kemahiran banduan

BAHAGIAN / JABATAN / AGENSI TERLIBAT

Bhg. PDR,
PENJARA

PROGRAM 2

Pemantapan kolaborasi bersama rakan strategik dan komuniti

Bhg. PDR,
PENJARA

STRATEGI 7

MEMANTAPKAN PENGUATKUASAAN DAN KAWALAN KESELAMATAN, PENERBITAN, PENAPISAN FILEM DAN BAHAN BERBAHAYA

PROGRAM 1

Pengukuhan kawal selia hasil penerbitan dan al-Quran

BAHAGIAN / JABATAN / AGENSI TERLIBAT

Bhg. PKK, PPF

PROGRAM 2

Pemantapan penguatkuasaan kawalan keselamatan, hasil penerbitan, filem dan bahan berbahaya

Bhg. PKK, PPF

PROGRAM 3

Pengukuhan pelaksanaan inisiatif penapisan sendiri (*self-censorship*) oleh pemain industri

Bhg. PKK, PPF

PROGRAM 4

Pemantapan program pencegahan bersama rakan strategik dan komuniti

Bhg. PKK, PPF

TERAS 1

MEMPERKUKUH KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM





**TERAS 2:
MEMPERKASA KAWALAN
SEMPADAN, MARITIM DAN
MEMBANTERAS JENAYAH
RENTAS SEMPADAN**

TERAS 2

MEMPERKASA KAWALAN SEMPADAN, MARITIM DAN MEMBANTERAS
JENAYAH RENTAS SEMPADAN

STRATEGI

4

PROGRAM

11

KPI

5

1

MEMPERKUKUH PERUNDANGAN SEMPADAN DARAT,
MARITIM, PINTU MASUK NEGARA DAN JENAYAH RENTAS
SEMPADAN

2

MEMPERKUKUH PENGUATKUASAAN KESELAMATAN
SEMPADAN DARAT, MARITIM DAN PINTU MASUK
NEGARA

3

MEREFORMASI PENGURUSAN SEMPADAN DAN PINTU
MASUK NEGARA

4

MEMPERKUKUH USAHA MEMBANTERAS JENAYAH
RENTAS SEMPADAN

TERAS 2

MEMPERKASA KAWALAN SEMPADAN, MARITIM DAN MEMBANTERAS JENAYAH RENTAS SEMPADAN

STRATEGI 1

MEMPERKUKUH PERUNDANGAN SEMPADAN DARAT, MARITIM, PINTU MASUK NEGARA DAN JENAYAH RENTAS SEMPADAN

PROGRAM 1

Kajian semula dan penggubalan undang-undang berkaitan kawalan sempadan darat, maritim dan pintu masuk negara

BAHAGIAN / JABATAN / AGENSI TERLIBAT

Bhg. K, Bhg. IM, PDRM, APMM, JIM, ESSCOM

PROGRAM 2

Kajian semula dan penggubalan undang-undang berkaitan jenayah rentas sempadan

Bhg. K, Bhg. IM, Bhg. PDR, NSO MAPO, PDRM, APMM, JIM, ESSCOM

STRATEGI 2

MEMPERKUKUH PENGUATKUASAAN KESELAMATAN SEMPADAN DARAT, MARITIM DAN PINTU MASUK NEGARA

PROGRAM 1

Pemantapan operasi penguatkuasaan di sempadan darat, maritim dan pintu masuk negara

BAHAGIAN / JABATAN / AGENSI TERLIBAT

Bhg. K, Bhg. PKK, Bhg. IM, PDRM, APMM, JIM, ESSCOM, RELA

PROGRAM 2

Peluasan penggunaan teknologi dalam pengoperasian

Bhg. K, Bhg. PKK, Bhg. IM, PDRM, APMM, JIM, ESSCOM, RELA

TERAS 2

MEMPERKASA KAWALAN SEMPADAN, MARITIM DAN MEMBANTERAS JENAYAH RENTAS SEMPADAN

STRATEGI 3

MEREFORMASI PENGURUSAN SEMPADAN DAN PINTU MASUK NEGERA

PROGRAM 1

Pemantapan pengurusan di pintu masuk negara

BAHAGIAN / JABATAN / AGENSI TERLIBAT

Bhg. K, Bhg. IM, APMM, ESSCOM, PDRM, JIM

PROGRAM 2

Pengukuhan pengurusan sempadan darat dan laut di lima (5) sempadan hadapan (*five fronts*)

Bhg. K, Bhg. IM, APMM, ESSCOM, PDRM, JIM

PROGRAM 3

Rasionalisasi peranan agensi penguatkuasaan kawalan sempadan dan kawasan maritim

Bhg. SM, Bhg. K, APMM, PDRM

PROGRAM 4

Mempergiatkan program bersama Kerajaan Negeri dan komuniti di sempadan

Bhg. K, Bhg. IM, Bhg. PG, Bhg. PP, ESSCOM, RELA, AADK, PDRM, JPPM

TERAS 2

MEMPERKASA KAWALAN SEMPADAN, MARITIM DAN MEMBANTERAS JENAYAH RENTAS SEMPADAN

STRATEGI 4

MEMPERKUKUH USAHA MEMBANTERAS JENAYAH RENTAS SEMPADAN

PROGRAM 1

Pewujudan mekanisme khusus menangani jenayah rentas sempadan

BAHAGIAN / JABATAN / AGENSI TERLIBAT

Bhg. K, Bhg. PDR,
Bhg. IM, PDRM,
AADK, JIM, JPPM

PROGRAM 2

Pemantapan penguatkuasaan bersepadu jenayah rentas sempadan

Bhg. K, Bhg. IM,
Bhg. PDR, PDRM,
ESSCOM, APMM,
JIM, AADK, RELA

PROGRAM 3

Pemeriksaan usaha membanteras jenayah perdagangan orang dan penyeludupan migran

NSO MAPO,
Bhg. K, Bhg. IM,
Bhg. PDR,
Bhg. PA, PDRM,
ESSCOM, APMM, JIM

TERAS 2

MEMPERKASA KAWALAN SEMPADAN, MARITIM DAN MEMBANTERAS
JENAYAH RENTAS SEMPADAN

STRATEGI

4

PROGRAM

11

KPI

5

1

100% DASAR DAN AKTA
DIKAJI

2

20% PENINGKATAN
OPERASI BERSEPADU DI
SEMPADAN NEGARA

3

40% PENGURANGAN
TEMPOH MENUNGGU DI
ICQ JOHOR

4

100% PEMATUHAN
UNDANG-UNDANG DI ZON
MARITIM MALAYSIA

5

PEMBANGUNAN INDEKS
KESELAMATAN SEMPADAN



TERAS 3: MEMBANTERAS GEJALA DADAH DAN SUBSTAN

TERAS 3

MEMBANTERAS GEJALA DADAH DAN SUBSTAN

STRATEGI

4

PROGRAM

11

KPI

6

1

MEMPERKUKUH DASAR DAN PERUNDANGAN
BERKAITAN DADAH DAN SUBSTAN

2

MEMPERKASA PROGRAM PENDIDIKAN PENCEGAHAN
DADAH DAN SUBSTAN

3

MEMPERKUKUH PROGRAM RAWATAN DAN PEMULIHAN
DADAH

4

MEMPERKUKUH PENGUATKUASAAN DAN RISIKAN

TERAS 3

MEMBANTERAS GEJALA DADAH DAN SUBSTAN

STRATEGI 1	PROGRAM 1 Kajian semula dan penggubalan dasar serta perundangan berkaitan dadah dan substans	BAHAGIAN / JABATAN / AGENSI TERLIBAT Bhg. PDR, Bhg. K, AADK, PDRM, IPSOM
MEMPERKUKUH DASAR DAN PERUNDANGAN BERKAITAN DADAH DAN SUBSTAN	PROGRAM 2 Pembangunan dan pengukuran pelaksanaan aktiviti membanteras gejala dadah dan substans	Bhg. PDR, Bhg. K, PDRM, AADK, IPSOM
	PROGRAM 3 Pewujudan data bersepadu berkaitan dadah dan substans	Bhg. PDR, Bhg. K, AADK, PDRM

STRATEGI 2	PROGRAM 1 Peningkatan penglibatan rakan strategik, komuniti dan media dalam usaha-usaha pencegahan	BAHAGIAN / JABATAN / AGENSI TERLIBAT Bhg. PDR, Bhg. K, UKOM, AADK, PDRM, PENJARA, JPPM, RELA
MEMPERKASA PROGRAM PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH DAN SUBSTAN	PROGRAM 2 Pengukuhan program pencegahan dadah bagi setiap kumpulan sasar	Bhg. PDR, AADK, PDRM

TERAS 3

MEMBANTERAS GEJALA DADAH DAN SUBSTAN

STRATEGI 3

MEMPERKUKUH PROGRAM RAWATAN DAN PEMULIHAN DADAH

PROGRAM 1

Pemerkasaan pengurusan dan kaedah rawatan serta pemulihan dadah

BAHAGIAN / JABATAN / AGENSI TERLIBAT

Bhg. PDR,
Bhg. K, PDRM,
AADK, PENJARA

PROGRAM 2

Peningkatan penglibatan rakan strategik dan komuniti dalam rawatan dan pemulihan

Bhg. PDR,
Bhg. K, AADK,
PDRM, JPPM

PROGRAM 3

Pemantapan program latihan dan kemahiran klien

Bhg. PDR, AADK

TERAS 3

MEMBANTERAS GEJALA DADAH DAN SUBSTAN

STRATEGI 4	PROGRAM 1		BAHAGIAN / JABATAN / AGENSI TERLIBAT
	Pemantapan operasi dan kaedah penguatkuasaan dadah		
	PROGRAM 2		
	Peningkatan perolehan maklumat risikan		
MEMPERKUKUH PENGUATKUASAAN DAN RISIKAN	PROGRAM 3		Bahagian / Jabatan / Agensi Terlibat
	Pemantapan kolaborasi bersama rakan strategik dalam dan luar negara		
	Bahagian / Jabatan / Agensi Terlibat		
	Bahagian / Jabatan / Agensi Terlibat		

TERAS 3

MEMBANTERAS GEJALA DADAH DAN SUBSTAN

STRATEGI**4****PROGRAM****11****KPI****6****1**

100% DASAR DAN AKTA
DIKAJI

2

PENAGIH DADAH
TIDAK MELEBIHI NILAI
AMBANG SEBANYAK
400 BAGI SETIAP 100,000
PENDUDUK

3

75% KADAR KEPULIHAN
KLIEN

4

95% KAWASAN BERISIKO
TINGGI DIHIJAUKAN

5

75% KADAR PERTUDUHAN
BAGI KES NARKOTIK

6

PEMBANGUNAN INDEKS
ANTIDADAH



TERAS 4: MENTRANSFORMASI INSTITUSI DAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

TERAS 4

MENTRANSFORMASI INSTITUSI DAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN



TERAS 4

MENTRANSFORMASI INSTITUSI DAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

STRATEGI 1		BAHAGIAN / JABATAN / AGENSI TERLIBAT
MEMANTAPKAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	PROGRAM 1 Pemerkasaan Perancangan Pengurusan Sumber Manusia	Semua Jabatan / Agensi
	PROGRAM 2 Pendayaupayaan kompetensi pegawai dalam bidang dan kemahiran baharu (<i>emerging skills</i>)	Bhg. SM, SPP, Semua Jabatan / Agensi
	PROGRAM 3 Pewujudan perancangan penggantian (<i>succession planning</i>) pegawai bagi jawatan-jawatan strategik	Bhg. SM, SPP, Semua Jabatan / Agensi
	PROGRAM 4 Pengukuhan budaya kerja baharu dan fleksibel	Bhg. SM, SPP, Semua Jabatan / Agensi

TERAS 4

MENTRANSFORMASI INSTITUSI DAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

STRATEGI 2	PROGRAM 1 Pengukuhan struktur organisasi KDN dan Agensi	BAHAGIAN / JABATAN / AGENSI TERLIBAT Bhg. SM, Semua Jabatan / Agensi
MERASIONALISASIKAN STRUKTUR ORGANISASI DAN MENINGKATKAN KECEKAPAN TADBIR URUS	PROGRAM 2 Pemantapan pengurusan integriti berdasarkan nilai murni dan kekitaan	UI, Semua Bahagian / Jabatan / Agensi
	PROGRAM 3 Pengoptimuman sumber kewangan dan pengurusan projek	Bhg. KW, Bhg. KP, Bhg. PB, Bhg. PL
	PROGRAM 4 Pengukuhan tadbir urus melalui pengauditan, naziran dan inspektorat	Semua Bahagian / Jabatan / Agensi

TERAS 4

MENTRANSFORMASI INSTITUSI DAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

STRATEGI 3	PROGRAM 1	BAHAGIAN / JABATAN / AGENSI TERLIBAT
MENGOPTIMUMKAN PERKHIDMATAN DIGITAL DAN DATA SECARA BERSEPADU	Pemeriksaan pendigitalan perkhidmatan yang berteknologi dan berkapasiti tinggi	Semua Bahagian / Jabatan / Agensi
	PROGRAM 2 Penguatan infrastruktur dan infostruktur ICT yang bersepadu, berintegriti, berkelajuan tinggi, selamat, fleksibel dan terangkum	Bhg. IT, Semua Bahagian / Jabatan / Agensi
	PROGRAM 3 Pembangunan hub data bersepadu KDN	Bhg. IT, Semua Bahagian / Jabatan / Agensi
	PROGRAM 4 Pengekalan pengiktirafan standard bagi pengurusan keselamatan maklumat, infrastruktur dan infostruktur ICT	Semua Bahagian / Jabatan / Agensi

TERAS 4

MENTRANSFORMASI INSTITUSI DAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

STRATEGI 4	PROGRAM 1 Pemantapan Perancangan Pembangunan Bersepadu Kementerian dan Jabatan	BAHAGIAN / JABATAN / AGENSI TERLIBAT
MEMPERKASA INFRASTRUKTUR KESELAMATAN	PROGRAM 2 Pembangunan, naik taraf dan penyelenggaraan infrastruktur keselamatan	Semua Bahagian / Jabatan / Agensi
	PROGRAM 3 Peningkatan penggunaan aset dan logistik yang berteknologi tinggi	Semua Bahagian / Jabatan / Agensi
	PROGRAM 1 Mempergiatkan kajian dan penyelidikan berkaitan isu keselamatan yang berkualiti dan berimpak tinggi	Semua Bahagian / Jabatan / Agensi
STRATEGI 5		BAHAGIAN / JABATAN / AGENSI TERLIBAT
MEMPERKASA PENYELIDIKAN DALAM BIDANG KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM	PROGRAM 2 Pemantapan kolaborasi strategik dalam bidang penerbitan dan kepakaran dalam aspek keselamatan	IPSOM, Semua Bahagian / Jabatan / Agensi
		IPSOM, Semua Bahagian / Jabatan / Agensi

TERAS 4

MENTRANSFORMASI INSTITUSI DAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

STRATEGI 6

**MEMPERKUKUH
PENGLIBATAN
KDN DI PERSADA
ANTARABANGSA**

PROGRAM 1

Penjalinan dan pemantapan kerjasama keselamatan di peringkat antarabangsa

BAHAGIAN / JABATAN / AGENSI TERLIBAT

Bhg. AB,
Semua Jabatan
dan Agensi

PROGRAM 2

Pemantapan pengurusan aktiviti antarabangsa KDN

Bhg. AB,
Semua Jabatan
dan Agensi

STRATEGI 7

**MEMPERKUKUH
KOMUNIKASI
STRATEGIK DAN
MENGOPTIMUMKAN
PERANAN MEDIA**

PROGRAM 1

Menyebarkan produk dan perkhidmatan KDN bagi meningkatkan persepsi positif rakyat

BAHAGIAN / JABATAN / AGENSI TERLIBAT

UKOM,
Semua Bahagian /
Jabatan / Agensi

PROGRAM 2


Peluasan kolaborasi dengan rakan strategik dan komuniti

Semua Bahagian /
Jabatan / Agensi

TERAS 4

MENTRANSFORMASI INSTITUSI DAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN





MEKANISME PEMANTAUAN

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

MEKANISME PEMANTAUAN

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Pelan Strategik Kementerian Dalam Negeri (PSKDN) 2021-2025 merupakan rujukan utama KDN untuk mencapai matlamat dan sasaran yang ditetapkan. Sepanjang tempoh pelaksanaan PSKDN ini, elemen penambahbaikan akan diberi perhatian dari semasa ke semasa. Sehubungan itu, pemantauan terhadap pelaksanaannya akan dibuat oleh satu Jawatankuasa seperti berikut:

JAWATANKUASA PENGURUSAN STRATEGIK

JAWATANKUASA KERJA STRATEGIK

1

Jawatankuasa Kerja Strategik

Teras 1

2

Jawatankuasa Kerja Strategik

Teras 2

3

Jawatankuasa Kerja Strategik

Teras 3

4

Jawatankuasa Kerja Strategik

Teras 4

JAWATANKUASA PENGURUSAN STRATEGIK

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

JAWATANKUASA PENGURUSAN STRATEGIK

PENGERUSI

- KETUA SETIAUSAHA KDN

AHLI

- TIMBALAN KETUA SETIAUSAHA
- SETIAUSAHA BAHAGIAN
- KETUA JABATAN / AGENSI

URUS SETIA


- BAHAGIAN PERANCANGAN STRATEGIK

**TERMA
RUJUKAN**

- KEKERAPAN DUA (2) KALI SETAHUN
- MENILAI DAN MEMPERAKU PENCAPAIAN KPI
- CADANGAN BAHARU PELAN STRATEGIK

JAWATANKUASA KERJA STRATEGIK

KEMENTERIAN DALAM NEGERI



TERMA RUJUKAN

- 1 → **Kekerapan** : Empat (4) Kali Setahun
- 2 → **Menyedia Cadangan Aktiviti dan KPI Tahunan** Bagi Setiap Program
- 3 → **Pemantauan** : Pencapaian KPI Secara Berkala
- 4 → **Pelaporan** : Empat (4) Kali Setahun Kepada Jawatankuasa Pengurusan Strategik


PEMANTAUAN DAN PENILAIAN

KEMENTERIAN DALAM NEGERI



JANGKA MASA PELAKSANAAN KPI DAN PROGRAM

KEMENTERIAN DALAM NEGERI





Penutup

Keberhasilan PSKDN ini merupakan suatu usaha yang kolektif dan bersepadu di peringkat KDN dan semua Jabatan / Agensi di bawahnya. Tindakan yang bersepadu ini akan menentukan keberhasilan strategik bagi memastikan keselamatan dalam negeri sentiasa terjamin, kesejahteraan rakyat terpelihara dan seterusnya mencapai visi yang ditetapkan pada tahun 2025 supaya Malaysia kekal sebagai sebuah negara yang berdaulat dan selamat. Justeru, PSKDN perlu difahami dan dihayati dengan sepenuhnya bagi merealisasikan sasaran yang dihasratkan.

Penghargaan

Pejabat Menteri Dalam Negeri

Pejabat Timbalan-Timbalan Menteri Dalam Negeri

Pejabat Ketua Setiausaha

Pejabat Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha

Bahagian Perancangan Strategik

Bahagian-bahagian KDN

Polis Diraja Malaysia (PDRM)

Jabatan Penjara Malaysia (PENJARA)

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM)

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK)

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)

Jabatan Pendaftaran Negara (JPN)

Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA)

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM)

Eastern Sabah Security Command (ESSCOM)

Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM)

DAN

Mereka yang terlibat secara

langsung dan tidak langsung



Editorial

PELAN STRATEGIK

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Penaung :

YBhg. Datuk Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz

Penasihat :

YBhg. Dato' Ramlan bin Harun

YBhg. Dato' Hj Abdul Halim bin Hj Abdul Rahman

YBrs. Tuan Haji Mohamad Sanuri bin Shahid

Ketua Editor :

Ainah binti Mohd Soon

Timbalan Ketua Editor :

Azizi bin Haji Wahab

Editor :

Raja Nosyita binti Raja Hussian

Sara Leonie Aloysious Tamor

Raha binti Mohd Yono

Abdul Razak bin Junaidi

Nurul Huda binti Mohd Akob

Siti Hanizah binti Tupani

Nur Qistina binti Zool Azha

Nur Afiqah binti Fukaha

Asmaa' binti Abd Aziz

Noor Hasni binti Idris

Siti Muslihah binti Samuri

Siti Syaidatul Yasim binti Milli

Muhammad Naim bin Ahmad Juhari

Penyumbang Input Kandungan :

Ketua Pengarah Jabatan / Agensi

Setiausaha Bahagian KDN

Wakil-wakil Bahagian / Jabatan / Agensi





KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Blok D1, D2 & D9, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran, Kerajaan Persekutuan,
62546 Putrajaya

Tel: 03 8000 8000 | Fax: 03 88891613 / 03 88891610



www.moha.gov.my



Kementeriandalamnegeri



Kementeriandalamnegeri



KDNPutrajaya

#keselamatananggunjawabbersama

